

14 SEP 2002

Mahathir-Sukma

PERDANA MENTERI SARAN SEKRETARIAT TETAP SUKAN MALAYSIA

KOTA KINABALU, 14 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan agar satu sekretariat tetap ditubuhkan bagi memantapkan dan menggabungkan tenaga pelbagai pihak dalam pengendalian temasya Sukan Malaysia (Sukma).

Ketika membuat saranan itu, Perdana Menteri berkata temasya sukan dwitahunan itu kini sudah menjadi semakin penting dalam perkembangan sukan negara.

"Sukan Malaysia sekarang ini bukan sahaja menjadi semakin besar dan semakin penting malahan ia juga telah menjangkau usia kematangan," katanya dalam teks ucapan penutupan Sukma Kesembilan di Kompleks Sukan Likas di sini, malam ini yang disampaikan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Sebagai temasya sukan yang baru sembilan kali diadakan, tentunya banyak perkara yang perlu diperbaiki dan diperkembangkan bagi menentukan matlamat penganjurannya dapat dipenuhi, kata Perdana Menteri.

"Dengan wujudnya sekretariat tetap ini, penilaian dapat dibuat beserta cadangan-cadangan untuk memperbaiki lagi sukan ini pada masa akan datang. Insya Allah kita akan berjaya menganjurkan Sukan Malaysia dengan lebih cekap, lebih kos efektif dan lebih gemilang," katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada kontinjen yang bertanding pada Sukma kali ini yang berakhir dengan kejayaan memecahkan 13 rekod kebangsaan dan 62 rekod Sukma.

"Tahniah! Ini merupakan Sukma yang paling cemerlang dari segi pencapaian atlet memecahkan rekod kejohanan dan kebangsaan. Tahniah kepada kerajaan negeri Sabah khususnya kepada Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Sabah, Datuk Yahya Hussin," kata Perdana Menteri.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada jawatankuasa-jawatankuasa Sukma, jabatan-jabatan kerajaan, penaja dan penderma, media massa, petugas serta sukarelawan kerana sumbangan mereka dalam menjayakan kejohanan itu.

"Kepada seluruh rakyat negeri Sabah saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih. Saya yakin penganjuran Sukan Malaysia kali ini akan menjadi kayu pengukur untuk tuan rumah yang lain pada alaf baru ini. Syabas Sabah," kata Perdana Menteri.

Sukma kesepuluh akan diadakan pada 2004 di Negeri Sembilan.

-- BERNAMA

JS ROS